

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2000/2001

Februari/Mac 2001

**HKB 315 – Kajian Perbandingan Karya-karya Klasik Timur dan Barat**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi **LIMA [5]** soalan. Jawab **TIGA [3]** soalan sahaja.

1. Sejauhmanakah benarnya pernyataan bahawa **Javid Namah** dan **Quarantine** sama-sama membawa kisah perjalanan rohaniyah? Jelaskan bagaimana ciri-ciri naratif digunakan oleh Iqbal dan Goytisolo untuk menampilkan persoalan-persoalan utama yang berbeza di dalam karya masing-masing.
2. Bincangkan tingkat-tingkat tafsiran yang anda rasakan sesuai digunakan untuk benar-benar menghayati karya "Song of Songs" dari **The Holy Bible**. Kemudian jelaskan bagaimana karya ini dapat dikaitkan dengan karya "Padamu Jua" dari antologi **Nyanyi Sunyi**.
3. Kajian genetik telah menunjukkan wujudnya perhubungan di antara dua karya besar Timur dan Barat, iaitu **Hayy Ibn Yaqzan** dan **Robinson Crusoe**. Bincangkan secara kritis perkaitan unsur-unsur intrinsik dan ekstrinsik kedua-dua karya tersebut.

4. Jelaskan maksud dialektika. Kemudian, dengan merujuk kepada puisi "Songs of Innocence And Of Experience" oleh William Blake, dan karya ***Narrow Road To The Deep North*** oleh Matsuo Basho, huraikan bagaimana kajian tematik dapat mendedahkan persamaan dan perbezaan dalam dialektika pengalaman kerohanian mengikut tradisi agama masing-masing.
  
5. Selok-belok perhubungan watak raja dengan watak wanita merupakan fokus dalam dua buah drama agung, yakni ***Shakuntala*** oleh Kalidasa dan ***Antigone*** oleh Sophocles. Banding dan bezakan penampilan watak-watak tersebut, mengikut konvensi-konvensi drama Sanskrit dan Yunani.